

GARIS PANDUAN (GERAN PENYELIDIKAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA)

1.0 Latar Belakang

Peruntukan Geran ini diwujudkan selaras dengan objektif penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia (JPUUM). JPUUM telah ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 4 Disember 2009 untuk mengkaji semula dan membaharui undang-undang di Malaysia agar sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa demi kepentingan rakyat jelata.

2.0 Tujuan Geran

Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia menawarkan geran penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru dalam mempercepatkan pembaharuan undang-undang. Hasil penyelidikan akan menjadi asas kepada pembaharuan undang-undang Malaysia bagi membolehkan sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Geran Penyelidikan JPUUM ini akan sah sehingga 31 Disember 2013.

3.0 Bidang Penyelidikan

3.1 Undang-undang yang perlu diperbaharui di Malaysia

- i. ditentukan secara spesifik oleh JPUUM; atau
- ii. terbuka kepada cadangan IPTA/IPTS tentang keperluan sesuatu undang-undang dikaji

4.0 Geran Penyelidikan

4.1 Geran yang ditawarkan akan berdasarkan kertas cadangan kajian yang dikemukakan.

5.0 Tempoh Kajian

5.1 Kajian hendaklah disempurnakan tidak melebihi 6 bulan dari tarikh tawaran kajian. Bagi pemohon yang hendak memohon kebenaran melanjutkan tempoh kajian, permohonan hendaklah dibuat sebulan sebelum tamat tempoh kajian.

5.2 Perlanjutan kajian hanya dibenarkan sekali sahaja.

6.0 Kelayakan Pemohon

6.1 Pemohon yang layak untuk menerima tawaran ini ialah:

- a. Pensyarah dan pegawai penyelidikan IPTA / IPTS
- b. Mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti pengajian pasca siswazah IPTA / IPTS

6.2 Bagi kakitangan kontrak, tempoh penyelidikan mestilah tidak melebihi dari tempoh kontrak tersebut bersama IPTA atau IPTS masing-masing.

6.3 Bagi mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti pengajian pasca siswazah IPTA/IPTS, tempoh penyelidikan mestilah tidak melebihi dari tempoh menuntut di IPTA atau IPTS masing-masing.

6.4 Pemohon dikehendaki mengemukakan kertas cadangan kajian yang meliputi skop, metodologi, limitasi, jangka masa dan kos kajian.

7.0 Hak Penerbitan dan Hak Kajian

7.1 Penyelidik dan personelnya tidak boleh mendedahkan kepada umum apa-apa maklumat mengenai kajian seperti kenyataan akhbar, mencetak apa-apa bahan yang berkaitan dengan kajian dan sebagainya tanpa persetujuan bertulis dari Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia.

7.2 Kajian penyelidikan adalah hakmilik Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia

8.0 Pembentangan Hasil Kajian

8.1 Hasil kajian hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia.

9.0 Cara Memohon

9.1 Pemohonan geran penyelidikan yang mengandungi kertas cadangan kajian hendaklah dikemukakan kepada JPUUM di alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang

Aras 7, Bangunan Hal Ehwal Undang-undang

Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62692, Putrajaya.

10.0 Sebarang Pertanyaan dan Maklumat Lanjut Sila Hubungi:

10.1 Puan Akhzailina binti Md Akhir

Tel : 03-8885 1961

Emel : akhzailina.akhir@bheuu.gov.my